





Meninjau Bentuk Pemulihan dan Bantuan untuk Gelandangan dari Institusi Kerajaan dan Organisasi Bukan Kerajaan di Malaysia

(Reviewing the Forms of Rehabilitation and Assistance for the Homeless From Government Institutions and Non-Government Organizations in Malaysia)

Mohd Alif Jasni^{1*}, Nazirah Hassan², Fauziah Ibrahim³
Mohammad Rahim Kamaluddin⁴, Noralina Omar⁵
Siti Hajar Abu Bakar Ah⁶

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;

Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia;

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor, Malaysia.

Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor, Malaysia.

Email: nazirah@ukm.edu.my

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor, Malaysia.

Email: ifauziah@ukm.edu.my

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor, Malaysia.

Email: rahimk@ukm.edu.my

⁵Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: noralina@um.edu.my

⁶Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: shajar@um.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Alif Jasni
(mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

KATA KUNCI:

Pemulihan
Penjagaan
Kebajikan
Gelandangan
Malaysia

KEYWORDS:

Rehabilitation
Care

Isu gelandangan merupakan suatu isu sosial yang masih memerlukan penelitian mendalam bagi mencari titik penyelesaian. Meskipun pelbagai pihak sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menyediakan pusat-pusat pemulihan dan jagaan bagi gelandangan, namun usaha ini seumpama penyelesaian sementara dan tidak bersifat kekal. Apa yang perlu diteliti dalam isu ini adalah faktor akar umbi yang mendasarinya seperti polisi kebajikan gelandangan, peningkatan kadar gaji minimum selain penyediaan kediaman mampu milik. Perkara ini yang sewajarnya dilaksanakan terlebih dahulu oleh pihak kerajaan. Keberadaan polisi yang berusaha dalam menjamin keselamatan dan kebajikan golongan gelandangan akan menjadi titik tolak yang membolehkan golongan ini

Welfare
Homeless
Malaysia

CITATION:

Mohd Alif Jasni et al. (2022). Meninjau Bentuk Pemulihan dan Bantuan untuk Gelandangan dari Institusi Kerajaan dan Organisasi Bukan Kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001897. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1897>

dibantu dengan lebih efisien. Penambahan bilangan pusat pemulihan sama ada daripada pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan boleh dijadikan sebagai indikator yang memaparkan bahawa masalah gelandangan di negara ini bukan semakin pulih sebaliknya semakin parah. Hal ini adalah demikian kerana peningkatan pusat-pusat pemulihan merupakan suatu kanta yang memperlihatkan bahawa jumlah gelandangan semakin bertambah di Malaysia. Perkara ini merupakan caturan mudah permintaan dan penawaran, hukum permintaan yang tinggi menyebabkan berlakunya penawaran yang tinggi dengan jelas menunjukkan keadaan gelandangan di negara ini. Oleh yang demikian, pihak kerajaan khususnya perlu menggerakkan aset-aset minda cendekiawan kerajaan untuk mencari penyelesaian yang lebih komprehensif dalam membendung masalah gelandangan ini. Kertas konsep ini akan membincangkan bentuk pemulihan dan penjagaan sedia ada bagi membolehkan pemahaman yang lanjut tentang isu gelandangan di Malaysia.

ABSTRACT

Homelessness issue is a social issue that still requires in-depth research to find a solution. Although various parties, whether government or non-government, have taken various initiatives to provide rehabilitation and care centers for the homeless people, but this effort is like a temporary solution and not permanent. What needs to be examined in this issue are the underlying root factors such as the homeless welfare policy, an increase in the minimum wage rate as well as the provision of affordable housing. This matter should be implemented first by the government. The existence of policies who strive to ensure the safety and welfare of the homeless will be a starting point that allows this group to be helped more efficiently. The increase in the number of rehabilitation centers, whether from the government or non-government, can be used as an indicator showing that the homeless problem in this country is not getting better but getting worse. This is so because the increase in rehabilitation centers is a lens that shows that the number of homeless people is increasing in Malaysia. This matter is a simple equation of demand and supply, the law of high demand causes high supply, which clearly shows the state of the homeless in this country. Therefore, the government in particular needs to mobilize the assets of the minds of government scholars to find a more comprehensive solution in curbing this homeless problem. This concept paper will discuss existing forms of rehabilitation and care to enable further understanding of the homeless issue in Malaysia.

Sumbangan/Keaslian: Penulisan ini menyumbang kepada literatur sedia ada apabila membincangkan tentang bentuk pemulihan dan bantuan yang disediakan oleh institusi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan di Malaysia. Malahan, penulisan ini turut melampirkan senarai organisasi bukan kerajaan (NGO) yang terkini dan sedang giat menjalankan fungsi menyalurkan bantuan kepada para gelandangan di Malaysia.

Senarai yang dilampirkan dapat digunakan sebagai panduan buat agensi-agensi terlibat dan berkepentingan dalam mengetahui tentang kehadiran organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ada ini sebagai pemain utama (*key-player*) dalam membantu golongan gelandangan yang ada.

1. Pengenalan

Lumrah kehidupan seorang manusia pastinya menginginkan dan mengimpikan sebuah kehidupan yang harmoni, bahagia dan mencukupi dari segala aspek kehidupan (Nur Syuhadah & Siti Sarah, 2020; Rusenko, 2014). Kecukupan keperluan asasi seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan keselamatan menjadi faktor asas yang menentukan kesejahteraan hidup sekumpulan individu (Mackenzie & Chamberlain, 2003; Muhammad Faheem & Muhammad Idris, 2017). Ketidacukupan atau kekurangan keperluan asasi tersebut akan menyebabkan berlakunya ketidakfungsian dalam sesebuah masyarakat yang seterusnya akan menghasilkan kepincangan sosial atau sebuah masyarakat yang pincang berikutan ketidakfungsian subsistem yang menyebabkan keseluruhan sistem turut terjejas. Perkara ini boleh diteliti melalui isu gelandangan di Malaysia. Gelandangan atau kutu rayau merupakan antara kumpulan marginal yang sering menerima pengasingan sosial daripada masyarakat. Menurut Straaten et al. (2016), gelandangan sering dikaitkan dengan pengasingan sosial berikutan ciri-ciri kedua-dua perkara ini saling berkait rapat seperti kekurangan perumahan, hutang kewangan dan kekurangan sokongan sosial (Fazel, Geddes & Kushel, 2014; Tsai & Rosenheck, 2012; Van Laere et al., 2009). Individu gelandangan merupakan antara kumpulan yang boleh dianggap sebagai kumpulan yang menerima pengasingan sosial yang ekstrem dalam masyarakat. Gelandangan merupakan sebuah isu dan masalah sosial yang telah berlaku secara berleluasa pada masa kini sehingga telah mencetuskan kebimbangan kepada masyarakat. Gelandangan atau kutu rayau bermaksud orang yang suka merayau-rayau tanpa tujuan disebabkan oleh ketiadaan tempat tinggal dan pekerjaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017a).

Penelitian terhadap pemulihan dan penjagaan gelandangan sewajarnya dimulakan dengan memahami istilah gelandangan itu sendiri. Definisi yang jelas membolehkan masyarakat memahami dan mengupas isu ini dengan lebih mendalam dan meluas. Oleh yang demikian, sekiranya diteliti secara literal dengan merujuk kepada Kamus Dewan (2005), gelandangan boleh didefinisikan sebagai individu yang suka merayau-rayau di jalanan tanpa tujuan dan kebiasaannya tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan. Istilah gelandangan atau kutu rayau ini dianalogikan daripada sifat kutu itu sendiri yang merupakan sejenis binatang yang merayau-rayau di bahagian tubuh badan manusia. Definisi secara operasionalnya dalam konteks Malaysia boleh diteliti dengan merujuk kepada Akta Orang Papa 1977 (Akta 183) yang merupakan suatu akta bagi menjaga dan memulihkan orang-orang papa dan bagi mengawal kutu rayau. Melalui Akta Orang Papa 1977 (Akta 183), definisi orang papa secara keseluruhannya turut memasukan kutu rayau. Kutu rayau atau lebih dikenali sebagai orang papa merupakan golongan yang dilindungi di bawah Akta Orang Papa 1977. Kutu rayau telah diklasifikasikan sebagai golongan papa sepertimana yang telah termaktub di dalam Akta Orang Papa 1997. Berdasarkan Akta Orang Papa 1977 di bawah seksyen 2 mentakrifkan orang papa sebagai seseorang yang telah didapati melakukan aktiviti mengemis di kawasan tempat awam sehingga telah mencetuskan masyarakat merasa gusar dan kurang selesa dengan kehadiran mereka mahupun sehingga tercetusnya kacau ganggu. Realitinya, sehingga kini masih belum ada definisi gelandangan secara perundangan ataupun akta yang

diperuntukkan. Definisi yang ada pada terma orang papa yang boleh membawa kekaburan apabila mengambil gelandangan sebagai salah satu perbincangan. Kekaburan ini memberi kesan kepada penguatkuasaan yang dapat dijalankan apabila pendefinisian yang ada selama hari ini hanya merujuk kepada orang papa semata-mata.

Bagi menjelaskan pernyataan ini, gelandangan menurut [Kamus Dewan \(2005\)](#) menyatakan bahawa perkataan gelandangan berasal daripada kosa kata Indonesia iaitu *-ge-la-dang* atau *bergeladang* yang membawa pengertian berjalan-jalan atau merayau tanpa arah tujuan. Istilah gelandangan merujuk kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), gelandangan, *homeless* atau *vagrant* didefinisikan sebagai ketidakupayaan individu untuk menikmati tempat tinggal atau penginapan yang kekal. Secara amnya, dapat diteliti bahawa indikator yang dilihat dalam mendefinisikan golongan gelandangan, kutu rayau dan orang papa adalah dilihat kepada indikator ketidakupayaan mempunyai tempat tinggal, bergelandangan, tidak mempunyai pekerjaan selain merayau-rayau tanpa tujuan. Tambahan pula, berdasarkan akta tersebut juga orang papa juga telah ditakrifkan sebagai seorang peleser di dalam kawasan tempat awam sama ada melakukan aktiviti mengemis mahupun tidak, seorang yang tidak mempunyai pekerjaan, tempat tinggal dan tidak dapat memberikan hal dirinya dengan memuaskan. Manakala gelandangan pula ditakrifkan sebagai orang yang tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal yang tetap ([Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017b](#)). Namun demikian, jika diamati daripada takrifan- takrifan berikut, terdapat persamaan maksud di antara kutu rayau dengan gelandangan di mana kedua-dua merujuk kepada seseorang individu yang tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap. Oleh yang demikian, istilah gelandangan ini merupakan sebuah istilah yang diguna pakai oleh negara jiran Indonesia. Namun begitu, istilah berikut juga diguna pakai di dalam negara Malaysia. Oleh itu, golongan kutu rayau pada sama turut merujuk kepada golongan gelandangan yang berpelesenan.

Jumlah gelandangan di Malaysia semakin meningkat setiap tahun terutamanya di dalam kawasan bandar. Kuala Lumpur telah mencatatkan jumlah peningkatan tertinggi di dalam Malaysia sebanyak 50% ([Berita RTM, 2021](#)). Jumlah umur yang tertinggi dalam kalangan gelandangan ialah di dalam lingkungan 22-45 tahun iaitu sebanyak 43% ([Penang Institute, 2015](#)). Isu gelandangan bukan sahaja berlaku di dalam Malaysia malah di dalam seluruh negara di dunia. Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2020, jumlah golongan gelandangan atau turut dikenali sebagai kutu rayau dengan jumlah sebanyak 150 juta yang terdapat di seluruh dunia.

Namun begitu, mengapakah golongan gelandangan ini semakin meningkat pada masa kini? Antara faktor-faktor penyumbang kepada isu kutu rayau ini ialah ketidakstabilan ekonomi, pendapatan yang sangat rendah, ketiadaan sumber mencari nafkah, mempunyai masalah dengan keluarga dan stigma masyarakat sehingga menyebabkan seorang individu mengambil keputusan untuk terus kekal dengan perbuatan devian tersebut ([Nor Amalina, Zaliha, & Yarina, 2018](#)). Oleh yang demikian, golongan gelandangan ini hendaklah diberikan perhatian yang sepenuhnya kerana mereka menjadi gelandangan bukan atas keinginan mereka sendiri, sebaliknya disebabkan oleh faktor-faktor lain yang hadir secara bersama ([Syazwani & Azlinda, 2016](#)). Sehubungan itu, terdapat pusat pemulihan dan jagaan yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan sebagai langkah untuk memulihkan golongan gelandangan agar mereka dapat kembali kepada masyarakat sebagai sebuah insan yang berguna dan berbakti kepada masyarakat. Institusi seperti Desa Bina Diri dan Anjung Singgah yang telah menawarkan

pelbagai program pemulihan dan jagaan kepada golongan tersebut. Akhir sekali, masyarakat perlu berperanan untuk memberi perhatian dan bantuan yang sewajarnya kerana golongan ini juga layak diberikan peluang kedua untuk berubah ke arah yang lebih baik.

2. Senario Gelandangan di Malaysia

Senario gelandangan di Malaysia dilihat sebagai suatu isu sosial yang semakin membimbangkan. Kegusaran mengenai isu gelandangan bukanlah suatu fenomena yang baru malah sejak kebelakangan ini gelandangan telah menjadi suatu permasalahan sosial di mana isu ini telah mendapat perhatian daripada masyarakat Malaysia kerana masalah sosial yang melibatkan golongan gelandangan dilihat semakin berleluasa. Laporan statistik yang dikeluarkan oleh JKM saban tahun menunjukkan peningkatan bilangan gelandangan atau orang papa di Malaysia. Sehubungan itu, terdapat beberapa buah negeri di Malaysia yang merekodkan masalah gelandangan yang tinggi iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak. Dalam pada itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang mencatatkan antara bilangan gelandangan yang tertinggi di Malaysia ([Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020](#)). Peningkatan jumlah gelandangan yang dikenal pasti saban tahun mendatangkan kekusaran terhadap kesejahteraan kehidupan masyarakat dan juga kesan-kesan lain. Statistik gelandangan di Malaysia merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia pada tahun 2019 merekodkan seramai 3,221 orang gelandangan telah diselamatkan pada tahun tersebut. Berdasarkan statistik tersebut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan negeri yang mempunyai jumlah gelandangan tertinggi iaitu sebanyak 699 orang. Jumlah ini terus-menerus meningkat dari semasa ke semasa dan peningkatan jumlah gelandangan ini bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan.

Berdasarkan [Jadual 1](#), JKM melaporkan bahawa terdapat seramai 4240 orang gelandangan (orang papa pengemis) pada tahun 2017, 3472 orang pada tahun 2018 seramai 3221 orang pada tahun 2019. Daripada keseluruhan negeri di Malaysia, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 1639 orang papa lelaki berstatus warganegara dan seramai 334 orang perempuan berstatus warganegara pada tahun 2017. Manakala seramai 848 orang papa lelaki yang berstatus warganegara dan seramai 284 orang papa perempuan yang berstatus warganegara pada tahun 2018. Yang terkini, pada tahun 2019, seramai 490 orang papa lelaki berstatus warganegara dan 179 orang papa perempuan yang berstatus warganegara. Walaupun jumlah statistik orang papa di sekitar Kuala Lumpur menunjukkan jumlah yang menurun, namun realitinya gelandangan yang wujud berada dalam keadaan yang merunsingkan ([Fuad & Noor Amalina, 2019](#); [Mohd Alif, Siti Hajar & Norruzeyati, 2020, 2021](#); [Muhammad Wafi & Sharifah, 2017](#); [Nurul Mahfuzah et al., 2016](#)). Ia belum lagi mengambil kira angka gelap iaitu jumlah gelandangan yang telah terekod atau dilaporkan dalam sistem. Hal ini kerana jumlah gelandangan yang ada adalah lebih tinggi daripada jumlah yang dilaporkan di dalam statistik. Statistik yang ada tidak menggambarkan realiti sebenar gelandangan yang ada di dalam negara. Kehadiran pelbagai jenis gelandangan yang bertumpu di sekitar Kuala Lumpur bersifat episodik, sementara sehinggalah yang kronik. Tinjauan KWP bersama dengan DBKL pada tahun 2014 mendapati isu gelandangan di Kuala Lumpur berpunca daripada: bekas banduan, penagihan dadah/arak, ditinggalkan keluarga, penyakit melarat, ketidakupayaan mengurus diri, tiada pekerjaan, masalah mental/kemurungan, warga asing tiada pekerjaan, miskin dan warga emas yang terabai ([Fuad & Noor Amalina, 2019](#)).

Perbincangan mengenai senario gelandangan di Malaysia akan membawa penulisan ini kepada isu-isu yang sering dikaitkan dengan gelandangan. Antara isu yang boleh diketengahkan ialah tempat-tempat pemulihan dan penjagaan yang tidak mencukupi, syarat masuk ke tempat pemulihan yang tidak dapat dipenuhi oleh gelandangan dan isu stigma dan persepsi negatif yang dikenakan terhadap golongan tersebut. Setiap isu ini perlu diberi perhatian bagi memastikan perkara-perkara yang berkaitan gelandangan dapat di rungkai secara menyeluruh. Isu pertama iaitu tempat-tempat pemulihan dikatakan tidak mencukupi untuk menampung jumlah gelandangan yang wujud di Malaysia.

Menurut [Ku Basyirah, Mohd Suhaimi dan Norulhuda \(2017\)](#) pusat-pusat pemulihan di Malaysia yang dihaskan buat golongan gelandangan menetap masih tidak mencukupi. Perkara ini didasarkan kepada kajian oleh [Sharifah dan Alifatul \(2012\)](#) yang menyatakan bahawa (3) tiga buah pusat pemulihan atau institusi pengemis iaitu Desa Bina Diri di Johor, Desa Bina Diri di Jerantut, Pahang dan Pusat Sehati Bina Diri Sungai Buloh tidak memadai untuk menampung keseluruhan jumlah gelandangan yang semakin meningkat saban tahun. Namun begitu, isu ini telah diatasi dengan menambah jumlah pusat pemulihan iaitu di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah selain turut menerima kerjasama daripada badan bukan kerajaan seperti Dapur Jalan Kuala Lumpur, Kenchara Kitchen, Pertiwi Kitchen dan lain-lain lagi bagi sama-sama membantu dalam membendung masalah ini.

Isu seterusnya adalah mengenai stigma dan persepsi negatif yang diterima oleh golongan gelandangan. Aspek penting dalam isu stigma terhadap sesuatu golongan adalah berlakunya pengecualian sosial, yang menyebabkan individu tidak mahu berinteraksi dengan golongan yang dikenakan stigma, seterusnya mewujudkan stereotaip terhadap golongan tersebut ([Phelan, Link & Dovidio, 2008](#)). Kebiasaannya, pengenaan stigma terhadap golongan gelandangan turut disebabkan oleh ketidakupayaan mereka untuk mengekalkan kebersihan diri dan penampilan yang menyebabkan berlaku penolakan sosial terhadap golongan gelandangan. Malahan, gelandangan yang dikaitkan dengan masalah kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan terlarang turut menjadi penyebab yang mengundang kepada pengenaan stigma terhadap mereka ([Markowitz & Syverson 2019](#)). Kesan pengenaan stigma terhadap golongan gelandangan telah menyebabkan golongan ini mengalami masalah kesihatan mental, menjejaskan keyakinan diri, sering menyalahkan diri, diskriminasi selain turut memungkinkan golongan ini terjebak dalam perlakuan jenayah berikutan tekanan daripada stigma yang dihadapi mereka.

Jadual **Error! No text of specified style in document.**: Kes orang papa warganegara dan bukan warganegara mengikut negeri dan jantina 2017-2019

Negeri	2017				2018				2019				Jumlah	
	WN		BWN		WN		BWN		WN		BWN		WN	BWN
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P				
Johor	127	52	6	10	158	46	9	25	246	83	18	4	711	71
Kedah	15	9	5	3	74	32	36	13	72	42	25	1	244	83
Kelantan	7	6	1	0	41	8	24	15	49	9	7	0	121	47
Melaka	97	29	25	7	67	20	8	2	125	53	9	1	391	52
N. Sembilan	73	35	11	18	63	15	1	7	91	34	7	8	311	52
Pahang	48	31	6	1	78	34	3	1	49	22	28	25	262	64
Perak	109	31	9	7	44	22	2	0	125	33	7	3	364	28
P.Pinang	382	129	51	19	342	125	87	69	312	130	86	59	1420	371
Sabah	0	0	0	0	0	0	0	0	58	20	36	45	78	81
Sarawak	55	12	3	0	4	0	0	0	52	17	3	0	140	6
Selangor	136	70	59	73	212	85	98	43	204	59	73	76	766	422
Terengganu	90	22	8	12	105	26	14	20	44	21	4	6	308	64
W.P. Kuala Lumpur	1639	334	264	73	848	284	117	110	490	179	20	8	3776	592
W.P. Labuan	4	0	2	0	1	0	0	3	8	13	3	0	26	8
Jumlah	2801	766	450	223	2068	687	399	308	1935	722	328	236	8989	1944
Jumlah WN dan BWN	4240				3472				3221				10933	

Petunjuk: L – Lelaki; P – Perempuan; WN – Warganegara; BWN – Bukan Warganegara

Sumber : [Jabatan Kebajikan Masyarakat \(2020\)](#)

3. Aspek Pemulihan Untuk Kutu Rayau Dan Gelandangan

Pemulihan untuk mana-mana kelompok marginal kebiasaannya difokuskan kepada pemenuhan keperluan-keperluan asas. Kegagalan dalam memenuhi keperluan asas terutama makanan dan tempat tinggal menjadikan seseorang atau sekumpulan individu terjebak dalam kelaparan dan gelandangan yang tidak mewajarkannya menjalani hidup sebagai manusia normal. Merujuk kepada Teori Hierarki Keperluan Maslow (Maslow, 1943), terdapat lima (5) tahap dalam hierarki keperluan individu. Tahap-tahap tersebut adalah tahap keperluan fisiologikal, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan kepunyaan, keperluan penghargaan diri dan keperluan hasrat diri. Menurut Muhammad Wafi dan Sharifah Rohayah (2017), penelitian terhadap konteks kehidupan gelandangan memaparkan bahawa tahap keperluan yang sesuai untuk kumpulan gelandangan yang sewajarnya diberikan perhatian terlebih dahulu adalah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang. Menurut teori ini, keperluan fisiologi merupakan keperluan yang paling asas iaitu keperluan untuk mendapatkan makanan, minuman dan tempat tinggal. Sekiranya keperluan utama ini tidak dapat dipenuhi, individu akan mengalami ketidakfungsian yang menyebabkan mereka mungkin akan cenderung kepada melakukan perkara yang bertentangan dengan norma masyarakat. Malah, individu yang mengalami defisit keperluan juga berisiko untuk terjerumus ke dalam kancah masalah sosial seperti mencuri, mengemis, menagih dadah dan tingkah laku jenayah. Oleh hal yang demikian, dalam menjalankan pemulihan dan jagaan terhadap golongan kutu rayau atau gelandangan, amatlah penting untuk pemulihan memfokuskan kepada pemenuhan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal

Tahap kedua iaitu keperluan keselamatan yang boleh diteliti dari aspek keperluan untuk mendapatkan perlindungan, kestabilan dan kebebasan daripada ketakutan. Apabila gelandangan tidak mempunyai tempat tinggal atau tempat menetap yang boleh mendatangkan rasa selamat kepada mereka, gelandangan akan mempunyai masalah paranoia atau ketakutan berikutan tiada perlindungan yang dapat menjamin keselamatan mereka. Pemulihan daripada aspek keperluan keselamatan ini boleh diberikan dengan memberikan tempat tinggal serta perlindungan daripada sebarang penindasan daripada pihak lain. Ciambrone dan Edgington (2009) menyatakan bahawa kehidupan gelandangan dilihat sebagai sebuah kehidupan yang 'terbuka' dan tidak mempunyai privasi, perkara ini menyebabkan mereka mudah untuk terdedah kepada pelbagai ancaman berikutan norma kehidupan mereka yang hidup bertempiran serta bergelandangan. Maka, untuk menyediakan pemulihan serta jagaan yang efektif, penelitian terhadap memindahkan konteks kehidupan gelandangan kepada suatu cara kehidupan yang lebih selamat perlu dititikberatkan. Hal ini adalah demikian kerana setelah keperluan fisiologi dipenuhi dan dipulihkan, tahap keperluan gelandangan akan beralih kepada tahap seterusnya iaitu keperluan keselamatan dalam mendapatkan kehidupan yang sejahtera.

Keperluan seterusnya yang diperlukan oleh kumpulan gelandangan adalah keperluan kasih sayang. Keperluan kasih sayang merupakan antara keperluan yang penting dalam memberi gelandangan suatu perasaan dipunyai atau *belonging* dalam masyarakat. Meskipun gelandangan dilihat sebagai kumpulan terpinggir, mereka masih memerlukan

dan menginginkan sokongan emosi dan sosial, keinginan untuk dikasihi dan disayangi, perasaan untuk dihormati dan perasaan untuk dipercayai (Limebury & Shea, 2015). Jelas bahawa dalam apa jua keadaan sekalipun, fitrah manusia untuk berkasih sayang antara satu sama lain merupakan perkara yang boleh dititikberatkan, perasaan dipunyai merupakan satu elemen kawalan sosial yang membantu dalam mengelakkan individu daripada terlibat dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan norma masyarakat. Oleh yang demikian, keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang dan perasaan dipunyai merupakan antara tiga tahap keperluan asas yang diperlukan oleh gelandangan dalam penelitian mengenai aspek pemulihan bagi kelompok gelandangan dan kutu rayau. Adalah tidak mustahil untuk kesejahteraan kehidupan kelompok ini dapat dipulihkan apabila kekurangan keperluan-keperluan dapat dipenuhi.

4. Pemulihan dan Jagaan Bagi Golongan Kutu Rayau dan Akta Orang Papa 1977

Pemulihan bermaksud perbuatan untuk memulihkan atau untuk mengembalikan kepada keadaan yang semula (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017a). Selain daripada itu, definisi pemulihan dari aspek penology ialah untuk memulihkan kehidupan ke arah yang berguna melalui program terapi dan pendidikan. Terdapat pelbagai kesan-kesan yang diterima oleh golongan kutu rayau dari aspek biologi, psikologi dan sosial. Oleh yang demikian, program pemulihan dan jagaan hendaklah diberikan kepada golongan kutu rayau agar dapat mengembalikan mereka kepada masyarakat dengan baik serta dapat mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih sejahtera. Berdasarkan teori Hierarki Keperluan Maslow (Maslow, 1943), terdapat beberapa tahap keperluan manusia yang asas diperlukan bagi meneruskan kehidupan seperti makanan, minuman dan tempat tinggal atau lebih dikenali sebagai keperluan fisiologi. Kegagalan dalam memenuhi keperluan asas telah menyebabkan seseorang individu terjebak menjadi golongan kutu rayau. Oleh yang demikian, program-program pemulihan dan jagaan hendaklah diberikan berdasarkan keperluan golongan kutu rayau bagi meningkatkan tahap kesejahteraan hidup mereka sekali gus dapat mengurangkan bilangan kutu rayau di Malaysia. Oleh yang demikian, berikut merupakan bentuk pemulihan dan jagaan yang telah diberikan oleh badan kerajaan dan bukan kerajaan.

Pemulihan dan jagaan bagi kutu rayau boleh ditinjau melalui [Akta Orang Papa 1977 \(Akta 183\)](#). Akta ini memperuntukkan mengenai tafsiran orang papa serta peruntukan-peruntukan lain yang menggariskan mengenai kebajikan orang papa atau gelandangan seperti yang ditafsirkan melalui Akta ini. Pemulihan dan jagaan melalui akta boleh dilihat melalui peruntukan kemasukan ke rumah kebajikan, hak mendapatkan rawatan, peluang untuk dibebaskan dan juga peluang untuk melibatkan diri dengan program yang berkaitan. Kemasukan ke institusi-institusi kebajikan bagi golongan gelandangan boleh dilihat melalui [Akta Orang Papa 1977 \(Akta 183\)](#). Akta ini memperuntukkan bahawa seorang orang papa boleh dikehendaki untuk dimasukkan ke dalam rumah kebajikan melalui perintah Mahkamah iaitu di bawah Peruntukan Seksyen 3 (4) [Akta Orang Papa 1977](#). Kemasukan orang papa atau gelandangan ke dalam rumah kebajikan turut boleh dilakukan secara sukarela oleh individu yang berkaitan dengan permohonan kemasukan diproses mengikut kaedah-kaedah di bawah Seksyen 4 [Akta Orang Papa 1977](#). Menurut akta ini, mana-mana orang papa yang secara sukarela meminta supaya dimasukkan ke suatu rumah kebajikan dikehendaki untuk mengaku janji bahawa sekiranya diterima masuk, individu tersebut akan patuh kepada syarat masuk yang dikenakan di bawah Akta ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya. Jelaslah bahawa kemasukan orang papa atau gelandangan ke dalam rumah-rumah atau institusi

kebijakan boleh dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu kaedah perintah mahkamah dan secara sukarela. Akta ini turut menjelaskan mengenai orang papa boleh dilepaskan dari rumah-rumah kebajikan sekiranya

Melalui peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam akta ini, jelas bahawa pemulihan dan jagaan bagi kutu rayau dititikberatkan daripada segala aspek. Tinjauan melalui akta ini memperlihatkan bahawa pemulihan dan jagaan diberikan dengan berpandu kepada keperluan-keperluan yang diperlukan oleh golongan kutu rayau atau gelandangan. Misalnya seperti keperluan makan, minuman, tempat tinggal, keperluan keselamatan dan juga keperluan kasih sayang. Kemasukan gelandangan ke dalam rumah-rumah atau institusi-institusi kebajikan membolehkan golongan gelandangan mendapat peluang untuk dipulihkan dan kembali diintegrasikan ke dalam masyarakat. Pemulihan dan jagaan yang diberikan kepada kumpulan ini diharapkan dapat membantu dalam mengembalikan kefungsi individu dalam masyarakat.

Terdapat pelbagai bentuk pemulihan dan jagaan di bawah [Akta Orang Papa 1977](#). [Akta Orang Papa 1977](#) diwujudkan untuk melindungi golongan orang papa yang merangkumi golongan kutu rayau dan pengemis. Antara bentuk jagaan dan pemulihan di bawah akta tersebut ialah menjaga aspek kesihatan golongan orang papa. Berdasarkan subseksyen 31, pegawai perubatan hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap golongan orang papa yang berpenghuni di dalam institusi jagaan orang papa. Tambahan pula, pegawai kesihatan juga hendaklah melakukan pemeriksaan di persekitaran kawasan institusi jagaan golongan orang papa. Hal ini kerana, bagi memastikan tahap kebersihan kawasan institusi tersebut adalah berada dalam keadaan yang baik agar golongan orang papa tidak mempunyai penyakit yang berbahaya disebabkan oleh persekitaran yang kurang bersih. Selain daripada itu juga, pegawai kesihatan juga akan sentiasa memeriksa rekod kesihatan golongan kutu rayau bagi mengenal pasti tahap kesihatan golongan kutu rayau dan memberikan rawatan secepat mungkin sekiranya golongan tersebut mengalami penyakit yang kronik. Sehubungan dengan itu, berdasarkan subseksyen 50 pula telah menjelaskan mengenai bentuk jagaan yang diberikan kepada golongan kutu rayau yang tinggal di dalam sebuah institusi jagaan golongan orang papa. Antara bentuk jagaan yang diberikan ialah memberikan tempat perlindungan, tempat tidur yang berasingan, kemudahan-kemudahan seperti bilik air, pakaian dan keperluan harian yang lain akan diberikan oleh institusi jagaan berikut. Selain itu, bentuk jagaan seperti menyediakan makanan dan minuman serta kelas agama juga diberikan kepada golongan orang papa tersebut agar dapat meningkatkan tahap motivasi dan keyakinan diri. Akhir sekali, golongan kutu rayau juga dibenarkan untuk terlibat dalam aktiviti rekreasi, melancong dan aktiviti sosial yang disediakan oleh pihak institusi tersebut. Tujuan utama kemudahan tersebut diberikan adalah untuk memberikan peluang kepada golongan orang papa untuk berinteraksi dengan persekitaran mereka dengan baik.

5. Institusi dan Program Yang Dilaksanakan Untuk Gelandangan oleh Pihak Kerajaan

Malaysia merupakan sebuah negara yang amat menitikberatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, penubuhan pelbagai rumah, institusi serta pusat kebajikan dilihat begitu memberangsangkan sama ada daripada pihak kerajaan dan juga badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak persendirian. Kerajaan didapati telah menunjukkan usaha yang tinggi dalam membantu mengurangkan masalah gelandangan. Pelbagai strategi dan inisiatif yang telah diperkenalkan oleh agensi kerajaan untuk membantu golongan gelandangan ini. Pelbagai agensi termasuk KPWK, JKM, DBKL,

YKN, dan AADK menerusi KDN yang telah memperkenalkan strategi masing-masing untuk menguruskan gelandangan ini. Penulis turut melihat strategi yang bersifat pemuliharaan dan penguatkuasaan telah diperkenalkan bagi membantu komuniti rentan ini. Penubuhan pelbagai institusi dan pusat kebajikan dilihat amat memberangsangkan daripada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta. Penulis melampirkan [Rajah 1](#) tentang pemain utama dalam sistem kebajikan kepada gelandangan di Malaysia. Terdapat beberapa pusat pemuliharaan dan penjagaan yang disediakan oleh kerajaan. Antaranya ialah Desa Bina Diri, Anjung Singgah, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur ([Nor Amalina, Zaliha & Yarina, 2018](#); [Thinkcity.com., 2018](#)).

5.1. Desa Bina Diri

Desa Bina Diri merupakan salah satu inisiatif untuk melindungi golongan di bawah Akta Orang Papa 1977 iaitu golongan pengemis dan kutu rayau ([Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021](#)). Desa Bina Diri telah ditubuhkan oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Desa Bina Diri merupakan sebuah institusi yang telah ditubuhkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan penjagaan, pemuliharaan dan perlindungan kepada golongan di bawah Akta Orang papa 1977 iaitu golongan kutu rayau dan pengemis ([Mohd Suhaimi, Khaidzir, Nasuridin & Nik Hairi, 2016](#)). Tujuan utama Desa Bina Diri adalah untuk meningkatkan kemahiran seseorang individu dan untuk menghasilkan seseorang individu yang produktif agar dapat kembali semula kepada masyarakat dengan keadaan yang baik.


5.2. Anjung Singgah

Institusi seterusnya dalam melaksanakan pemuliharaan dan jagaan terhadap golongan gelandangan adalah Anjung Singgah. Anjung Singgah merupakan satu tempat intervensi sosial yang diwujudkan oleh pihak kerajaan di Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu golongan gelandangan di seluruh negara. Projek Anjung Singgah YKN dilaksanakan dengan sokongan pihak kerajaan dalam usaha membantu golongan gelandangan bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk hidup berdikari. Anjung singgah ditubuhkan oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti, Yayasan kebajikan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai salah satu inisiatif untuk memberikan pemuliharaan dan perlindungan kepada golongan di bawah [Akta orang papa 1977](#) dan gelandangan. Anjung Singgah YKN ialah sebuah pusat intervensi sosial yang memberikan bantuan kepada golongan gelandangan dan golongan orang papa dari segi memberi ruang dan peluang kepada golongan tersebut untuk berdikari agar dapat kembali kepada masyarakat. Anjung Singgah YKN juga telah menyediakan tempat perlindungan sementara, makan dan minum dan pusat intervensi agar dapat meningkatkan penyesuaian diri dengan arus pembangunan negara.

5.3. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menubuhkan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur bagi memberikan perlindungan dan pemuliharaan kepada golongan kutu rayau. Pusat transit gelandangan Kuala Lumpur telah ditubuhkan hasil kerjasama di antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara bentuk penjagaan yang diberikan adalah menyediakan makanan, minuman dan tempat tinggal. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur juga merupakan pusat One-stop center bagi golongan gelandangan.

Rajah 1: Pemain utama dan pusat kebajikan kepada gelandangan di Kuala Lumpur



Sumber : Thinkcity.com (2018)

5.4. Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih telah ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017 di kawasan Chow Kit sebagai salah satu inisiatif untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak gelandangan. Tambahan pula, sekolah bimbingan jalinan kasih juga ditubuhkan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang pendidikan sepertimana yang telah dirancang di dalam Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM). Latar belakang keluarga murid yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai masalah ketagihan dadah, terlibat dalam tingkah laku jenayah, mempunyai keluarga yang tidak stabil, gelandangan dan miskin bandar. Antara objektif utama sekolah ini ditubuhkan adalah untuk memberikan pendidikan formal kepada kanak-kanak yang terpinggir dan jalanan dalam persekitaran yang selesa, untuk mengurangkan kadar kanak-kanak yang tercicir pendidikan dalam arus pendidikan, untuk memberi peluang kerjaya kepada kanak-kanak yang terpinggir dan gelandangan serta untuk membangunkan seorang insan yang berilmu, mempunyai kemahiran dan boleh berdikari di dalam masyarakat.

6. Pemulihan dan Jagaan Untuk Golongan Gelandangan Diberikan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Terdapat pelbagai badan bukan kerajaan yang aktif dalam membantu golongan gelandangan. Aspek pemulihan yang disediakan oleh persatuan-persatuan ini kebiasaannya memfokuskan kepada pemenuhan keperluan fisiologi iaitu makanan dan minuman serta ruangan *food bank*. Terdapat juga antara NGO yang turut menyediakan keperluan perubatan, kaunseling, pendidikan dan kemahiran kepada golongan gelandangan. Antara badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam membantu golongan gelandangan adalah Pertubuhan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Warung Makan Sahabat, Yellow House, Grace Community Services, Kenchara Soup, Dapur Jalanan, PERTIWI Soup Kitchen serta pelbagai lagi (Nor Amalina et al., 2018; Thinkcity.com., 2018). Kertas konsep ini merupakan kesinambungan yang dari kajian Nor Amalina et al. (2018) dan Thinkcity.com (2018) yang cuba dicapai oleh penulis bagi memberi maklumat terkini dan memperkenalkan pertubuhan-pertubuhan lain yang turut wujud dalam membantu golongan gelandangan yang ada di sekitar Kuala Lumpur. Dengan ini, ia dapat menjadi platform kepada pertubuhan-pertubuhan lain yang turut wujud bersama dan menggembeng tenaga bagi membantu golongan gelandangan untuk diketahui di peringkat masyarakat.

Penulisan ini melampirkan nama-nama NGO yang wujud sebagai salah satu bentuk pengiktirafan kepada setiap usaha yang dilampirkan oleh mereka. Seperti yang diketahui operasi dan gerakan NGO banyak berjalan atas sokongan orang ramai dari segi kewangan dan sumber yang lain. Maka, tujuan penulis menulis ini agar setiap titik peluh dan usaha mereka ini diketahui oleh orang ramai. Malahan, ia juga boleh memberi inspirasi buat NGO-NGO baru di luar agar berusaha untuk mempertingkatkan dan mempelbagaikan aktiviti bagi menjadi aktif seperti NGO-NGO lama ini. Sehingga kini, semakin banyak NGO yang wujud tetapi tidak mampu bertahan disebabkan pelbagai punca yang berlaku dari sudut dalaman, kewangan, organisasi, dan sebagainya. Malahan, kewujudan NGO ad hoc yang terlalu banyak juga boleh menyebabkan objektif yang tidak

berkekalan sehingga akan berhenti selama-lamanya pada suatu masa. Dengan itu, kepentingan dalam meraikan mana-mana NGO yang telah berusaha dengan sebaik mungkin walaupun mengalami pelbagai cabaran dan rintangan dari faktor dalaman, luaran dan persekitaran. Hal ini kerana, bagi mengekalkan kerelevanan NGO bukan suatu yang mudah, ia melibatkan kesungguhan yang sangat tinggi. Tanpa wujudnya kesungguhan tersebut, boleh menjadi antara penyebab kesukaran dalam pelaksanaan strategi dan aktiviti yang berterusan.

NGO sememangnya tidak dinafikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sosial sesebuah negeri, negara atau masyarakat. Untuk pembangunan yang sewajarnya sesebuah negara, adalah sangat penting untuk membawa pendidikan dan kesedaran kepada rakyat tentang kewujudan NGO yang ada ini. Namun demikian, tidak dinafikan wujudnya NGO lain di Malaysia yang turut memainkan peranan yang besar dalam membantu gelandangan yang mungkin tidak dilampirkan. Nama-nama NGO yang terpilih di dalam penulisan ini adalah seperti berikut:

6.1. Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur atau turut juga dikenali sebagai Ar-Riqab KL merupakan sebuah pertubuhan kebajikan berdaftar yang memberi tumpuan kepada kelompok Ar-Riqab, iaitu kelompok yang layak menerima zakat di sekitar Kuala Lumpur. Pertubuhan ini beroperasi di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Golongan sasarannya ialah golongan gelandangan dan miskin bandar yang hidup di sekitar Chow Kit termasuk 1. pengguna dadah, 2. pekerja seks, 3. transgender, 4. remaja jalanan dan 5. keluarga berisiko. Dari segi jawatankuasa, Presiden Pertubuhan Ar-Riqab dan pengasasnya ialah Puan Nor Akmar Ali manakala penasihat pertubuhan adalah Dr Noralina Omar. Pengalaman Ar-Riqab KL bersama kelompok tersebut mendapati mereka mempunyai kriteria yang tidak melayakkan mereka untuk tinggal di Anjung Singgah atau Pusat Transit Gelandangan seperti tidak memiliki kad pengenalan (kerana kehilangan/kecurian), mengambil dadah dan mempunyai penyakit berjangkit. Keadaan ini membuatkan golongan ini terpaksa hidup dengan berkeliaran di jalanan sehingga menimbulkan pelbagai persepsi negatif. Sehingga tahun 2022, pengasas Pertubuhan Ar-Riqab telah berada di lapangan bersama kelompok tersebut selama 8 tahun dan berusaha dalam membantu memenuhi keperluan mereka. Ahli pertubuhan juga sudah lebih 2 tahun berada di lapangan membantu kumpulan tersebut. Dalam erti kata lain, aktiviti membantu gelandangan di sekitar Chowkit telah dimulakan sejak tujuh tahun lalu oleh pasukan ini walaupun Pertubuhan Ar-Riqab Kuala Lumpur masih belum ditubuhkan Selepas menjadi pertubuhan berdaftar, Ar-Riqab KL terus bergerak dengan lebih aktif. Sehingga ini, pelbagai bantuan yang telah disediakan oleh Pertubuhan Ar-Riqab seperti memberi keperluan asas iaitu makanan, pakaian, ubat-ubatan, memberi rawatan kesihatan untuk luka dan penyakit ringan, menjadi mediator kepada mereka yang ingin kembali kepada keluarga, menjadi mediator kepada mereka yang mahu mendapatkan rawatan ketagihan dadah, menjadi mediator kepada mereka yang mahu mendapatkan pekerjaan dan membantu mencari dana kepada mereka yang memerlukan tempat tinggal.

6.2. Warung Makan Sahabat

Warung Makan Sahabat merupakan pusat aktiviti gelandangan dan keperluan dalam kalangan warga Kuala Lumpur (Nur Aziatul, 2021) yang memfokuskan kepada bekas banduan dan pengguna dadah. Warung Makan Sahabat menyediakan makanan percuma

dan kelas kemahiran untuk gelandangan yang ada di sekitar Jalan Chow Kit (Md Zan, 2022). Malahan, Warung Makan Sahabat turut menawarkan pelbagai program berbentuk pendidikan dan kebajikan secara berterusan. Kesemua program yang diperkenalkan ini sebagai salah satu pendekatan dakwah dalam mendekati golongan yang mudah terjejas di sekitar Kuala Lumpur. Di samping itu, Warung Makan Sahabat telah menjadi tumpuan penduduk jalanan untuk mendapatkan bungkusan makanan yang disediakan secara percuma untuk golongan berkenaan. Wan Kamariah Daud, atau lebih mesra dengan panggilan Mak Wan, telah mengasaskan gerai di Chow Kit (Afiq, 2020). Usaha Warung Makan Sahabat dalam menyediakan makanan untuk golongan ini telah berjalan hampir setiap hari. Kebiasaannya, agihan makanan yang terdiri daripada nasi berlauk, roti krim dan air mineral akan bermula pada tengah hari. Di mana hidangan akan disediakan oleh Pasukan Sukarelawan mereka (Pertubuhan Kebajikan Hulur Malaysia, n.d). Warung Makan Sahabat dilihat sebagai salah satu pusat komuniti yang sangat proaktif dalam memastikan keperluan gelandangan dapat dipenuhi. Inisiatif Warung Makan Sahabat dalam menyampaikan program berbentuk dakwah bagi membawa aspirasi yang rohani dalam mendekati kumpulan gelandangan merupakan suatu usaha murni.

6.3. Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Yellow House (Yellow House)

Selain itu juga, wujudnya NGO seperti Yellow House sebagai sebuah pertubuhan komuniti yang berakar umbi bukan mencari keuntungan. Yellow House ini berdedikasi untuk memperbaiki kehidupan agar lebih mampan bagi golongan gelandangan, miskin bandar dan komuniti pelarian di Selangor dan Kuala Lumpur (Yellowhouse, n.d). Idea pertubuhan ini bagi membolehkan mereka memberi peluang untuk memberi bantuan sebenar dan berterusan kepada golongan terpinggir. Organisasi bukan keuntungan itu bertujuan untuk menggalakkan kesukarelawanan dan impak sosial dalam kalangan beberapa isu sosial yang dihadapi di Malaysia iaitu gelandangan dan pelarian. Kini, Yellow House merupakan sebuah perusahaan sosial dengan komuniti antarabangsa yang berkembang maju dengan 700 sukarelawan di lebih 40 negara. Inisiatif Pekerjaan Pertama ialah salah satu siri kerja sambil berbayar dan konsisten untuk lelaki & wanita gelandangan untuk berpeluang memasuki semula ke dalam alam pekerjaan. NGO ini turut memperkenalkan pelbagai inisiatif yang berbentuk bimbingan bagi menyemai harga diri buat klien yang mengikuti program mereka.

6.4. Grace Community Services

Grace Community Services (GCS) merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang diasaskan untuk memenuhi keperluan sektor terpinggir komuniti. GCS telah ditubuhkan oleh seorang humanitarian Bernama Dr. Henry Pillai pada tahun 1990. Antara golongan sasaran yang cuba disantuni seperti kemiskinan, gelandangan, mengandung anak tidak saf taraf, alkholik dan penyalahgunaan dadah (Vijayan, 2016). GCS bekerjasama rapat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu menyalurkan bantuan berbentuk keperluan buat komuniti yang berada dalam kesusahan. GCS juga berfungsi sebagai pusat pengedaran makanan untuk golongan yang memerlukan termasuk kumpulan gelandangan yang berada di jalanan. Setiap petang Ahad, sebanyak 350 – 400 pek makanan panas, yang dimasak oleh sukarelawan atau ditaja oleh katerer besar, dan minuman diberikan kepada mereka yang juga menganggur. Selain itu, GCS turut menyediakan bantuan berbentuk pakaian dan peralatan mandian kepada golongan diperlukan. Di samping itu juga, GCS turut menyediakan kemudahan mandi sepanjang minggu. Pusat ini juga menjalankan klinik

mingguan yang menyediakan rawatan perubatan asas percuma, ubat untuk penyakit ringan dan rujukan untuk penyakit yang serius. GSG ini turut dikendalikan oleh doktor dan pembantu sukarela. Malahan, klinik yang disediakan juga telah memberi manfaat kepada kumpulan gelandangan yang mengalami masalah keberatan untuk mengunjungi klinik kerajaan. Antara misi GSC adalah untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan dengan menyediakan tempat tinggal kepada gelandangan, makanan untuk orang yang kelaparan, pakaian untuk orang yang memerlukan dan kaunseling untuk mereka yang tertekan.

6.5. Yayasan Seed

Selain itu, terdapat juga pertubuhan seperti Yayasan SEED yang turut menjalankan khidmat sosial kepada golongan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Yayasan SEED ini telah diasaskan oleh seorang aktivis transgender yang dikenali sebagai Nisha Ayob. Pelbagai bantuan seperti makanan bungkus yang telah disediakan kepada para gelandangan. Sehingga kini, Yayasan SEED masih tetap menyediakan 50 bungkus makanan setiap hari untuk juadah tengah hari. Terdapat juga para gelandangan yang datang ke pusat SEED dalam mendapatkan akses kepada bantuan sosial yang lain seperti bantuan maklumat dan sokongan psikosial. Pengagihan makanan telah dilakukan di pintu masuk Pusat Seed. Lokasi pusat SEED ini di Jalan Tiong Nam dengan mengendalikan penyediaan makanan harian dan ruang rehat kepada hampir 40 transgender dan gelandangan yang tiada tempat tinggal dan keluarga. Pusat SEED merupakan antara pertubuhan yang konsisten dalam membantu golongan gelandangan dan memerlukan yang ada. Keadaan ini penting apabila melaporkan pusat SEED sebagai salah satu NGO yang wujud di sekitar Kuala Lumpur dalam menyantuni gelandangan yang wujud.

6.6. Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (*Empire Project*)

Selain itu, terdapat juga sebuah badan bukan kerajaan yang dikenali sebagai Empire Project yang telah berdaftar di bawah naungan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Nama yang telah didaftar adalah dengan nama Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (EMPIRE PROJECT). Persatuan ini telah mendaftar pada 4 Mac 2016 (NGOhub, n.d). Pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk membantu gelandangan yang ada telah dijalankan. Antara aktiviti asas yang dilakukan adalah dengan melakukan Street Feeding atau memberi makan kepada golongan gelandangan. Dari setahun ke setahun, persatuan ini terus mencari peluang bagi menambah baik dalam pelbagai aktiviti. Hal ini dapat dilihat bagi memastikan aktiviti yang dapat disampaikan secara berterusan kepada golongan sasaran. Antara aktiviti yang telah dilakukan dengan menjadi pelopor kepada beberapa aktiviti lain termasuklah Homeless 'Selipar' Project, Street Birthday Party, Empire 'Sarong' Project, Empire Food Bank, Project Pencil, Empire Backpack dan lain-lain lagi (NGOhub, n.d). Persatuan ini juga mempunyai perancangan jangka panjang bagi membantu para gelandangan di Pusat Transit Gelandangan serta Anjung Singgah. Ia merupakan antara persatuan yang memberi sumbangan dan impak yang besar kepada gelandangan sebagai golongan sasaran. Selain itu, persatuan turut hadir dalam membantu anak-anak gelandangan dan keluarga miskin bandar di sekitar Kuala Lumpur. Mereka berusaha dalam membantu golongan ini dalam mendapatkan pendidikan yang lebih baik demi masa hadapan mereka.

6.7. Persatuan Kechara Soup Kitchen Malaysia

Persatuan Kechara Soup Kitchen Malaysia merupakan persatuan yang berusaha kearah mengurangkan bilangan gelandangan, kelaparan, asnaf, pembaziran makanan dan kehidupan yang lebih baik. Misi Persatuan Kechara dalam membantu gelandangan tanpa mengira bangsa, warna kulit atau agama. Di samping itu juga Kechara berusaha dalam mengurangkan pembaziran makanan dengan menyalurkan lebihan makanan kepada mereka yang asnaf, memperkasakan mereka yang terpinggir atau yang mengganggu menerusi pelajaran kemahiran. Persatuan ini menjalankan program aktiviti berbentuk Soup Kitchen, Food Bank dan Pemerksaan (*Empowerment*) untuk membantu mereka tanpa mengira bangsa dan agama. Kechara Soup Kitchen mengedarkan makanan, perubatan, dan kaunseling bagi membantu golongan tidak bernasib baik terutamanya komuniti gelandangan di Kawasan Kuala Lumpur. Kechara Soup Kitchen merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang menawarkan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan yang memerlukan dari segi penyediaan makanan dan minuman agar golongan tersebut dapat meneruskan kehidupan dengan baik (Kechara Soup, 2021). Kechara Soup Kitchen telah beroperasi semenjak tahun 2009 dan pada tahun 2016 Kechara Soup Kitchen telah menjadi rakan kerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Kechara Soup Kitchen memberikan bantuan makanan dan minuman melalui hasil daripada ruangan Food Bank. Ruangan *food bank* adalah ruangan yang diberi peluang kepada bagi sesiapa yang ingin menyumbangkan makanan dan minuman kepada golongan gelandangan.

6.8. Streetfeeders Kuala Lumpur

StreetFeeders of KL merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang memberikan perkhidmatan makanan secara percuma kepada golongan gelandangan (Sedunia.me., 2021). Streetfeers adalah NGO yang berlokasi di kawasan Kuala Lumpur. Streetfeeders ini telah diasaskan pada 2011 oleh Gary Liew, seorang pemuda berbangsa Cina dari Malaysia (Fathimath, 2022). Streetfeeders ialah pertubuhan bukan untung yang memberi makan kepada gelandangan di kawasan Kuala Lumpur. NGO ini prihatin terhadap gelandangan dan membantu mereka untuk berintegrasi semula ke dalam komuniti semula dengan kaunseling yang menyeluruh dengan selamat, menyediakan peluang pekerjaan dan menjadi rakan baik untuk mendengar masalah gelandangan. Matlamat utama Streetfeeders adalah untuk mengelakkan gelandangan menjadi mangsa stigma awam. Mereka membantu golongan gelandangan ini untuk menjalani kehidupan yang baik dengan harapan yang positif. Streetfeeders membantu golongan gelandangan ini dengan memberi harapan untuk masa depan yang lebih baik. Streetfeeders akan mengadakan acara komuniti seperti pasar malam di mana gelandangan boleh mendapatkan perkhidmatan seperti gunting rambut, rawatan perubatan asas dan tawaran pekerjaan.

6.9. PERTIWI Soup Kitchen

PERTIWI Soup Kitchen merupakan salah satu organisasi sukarela yang menjalankan fungsi untuk menyediakan perkhidmatan bantuan makanan kemanusiaan kepada golongan gelandangan dan miskin tegar tanpa mengira bangsa atau agama. Terdapat beberapa dapur organisasi tersebut yang telah beroperasi di sekitar Kuala Lumpur bagi menyediakan perkhidmatan kritikal ini kepada golongan miskin dan gelandangan (PERTIWI, n.d). Kehadiran PERTIWI memberi sumbangan yang besar kepada usaha untuk memenuhi keperluan makanan buat gelandangan dan miskin bandar yang wujud. Hal ini terbukti apabila makanan sebagai keperluan asas yang paling penting dalam kehidupan setiap manusia. Bantuan yang diberikan ini merupakan satu usaha yang

perlu diberi pengiktirafan memandangkan jumlah makanan yang disediakan kepada golongan gelandangan ini. Malahan, organisasi ini turut menjalankan aktiviti interaksi dengan pelbagai komuniti dalam bandar yang miskin secara berterusan. Sokongan tambahan telah diberikan untuk membantu mereka yang bersedia untuk menjadi lebih berdikari. Selain itu, di atas nama PERTIWI juga, perkhidmatan Kesihatan PERTIWI turut menyediakan bantuan dari sudut perubatan asas. Projek itu telah memanfaatkan keluarga miskin yang tidak dapat pergi ke hospital dan klinik kerajaan. Golongan ini boleh mendapatkan maklumat berkaitan isu kesihatan untuk mereka dan anak-anak mereka menerusi organisasi PERTIWI ini. Perkhidmatan ini ditawarkan sekurang-kurangnya dua kali seminggu, pada malam Ahad dan Rabu, kepada gelandangan dan miskin di kawasan dalam bandar Kuala Lumpur apabila PERTIWI Soup Kitchen membuat pengagihan makanan kepada komuniti tersebut.

6.10. Dapur Jalanan

Dapur Jalanan Kuala Lumpur merupakan sebuah organisasi sukarela yang memberi bantuan keperluan asas terutamanya makanan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Misi organisasi ini ialah "Makanan adalah hak anak-anak semua bangsa". Hal ini telah beberapa kali dibincangkan sebelum ini apabila makanan sebagai keperluan yang paling penting dan asas untuk dipenuhi oleh orang pada setiap hari. Tanpa kehadiran makanan boleh menjejaskan aktiviti kehidupan seseorang. Makanan sebagai satu cara dalam memastikan kelangsungan hidup. Keadaan ini membuatkan apabila diamati pelbagai NGO yang hadir ini menjadikan bantuan makanan sebagai salah satu perkhidmatan yang paling utama dalam organisasi mereka. Begitu juga buat Dapur Jalanan ini, yang turut berusaha dalam memastikan keperluan makanan buat golongan terpinggir seperti gelandangan, miskin bandar dapat dipenuhi. Organisasi ini memiliki pejabat di Bangsar dan akan memasak makanan di premisnya dan mengedarkan makanan pada setiap petang ahad di Jalan Panggong, Kuala Lumpur. Setiap kali edaran makanan boleh memberi manfaat kepada kira-kira 200 orang penerima. Malahan, organisasi ini tidak menjalankan sebarang bentuk sistem pendaftaran. Setiap orang adalah berhak menerima dan penerima hanya perlu berbaris untuk mendapatkan makanan. Walaupun makanan diberikan kepada sesiapa sahaja yang menunggu di barisan, namun terbukti sebahagian besar penerima adalah dari kalangan golongan gelandangan dan orang papa.

7. Program dan Bantuan Makanan oleh Badan Bukan Kerajaan yang Lain.

Di samping itu, terdapat pelbagai lagi NGO lain yang turut wujud tetapi tidak dibincangkan dengan terperinci di dalam kertas konsep. Antaranya seperti Dapur Jalanan, program NFN dan Jom Bekpes! Kaseh4U dan sebagainya. Namun, sekiranya diteliti, setiap NGO ini sebenarnya membawa aspirasi dan objektif yang hampir serupa dari segi memenuhi keperluan asas dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh gelandangan dan kumpulan terpinggir yang lain. Kesemua mereka menjalankan pelbagai perkhidmatan terutama dari segi makanan, pakaian, perubatan dalam membantu golongan gelandangan yang terhimpit dengan kemiskinan. Sememangnya bantuan-bantuan sebegini ini merupakan bersifat ad-hoc dan tidak mampu membawa perubahan kepada pengurangan masalah gelandangan yang ditanggung di dalam negara. Namun, bantuan yang disediakan merupakan bukti wujudnya golongan yang mengambil berat terhadap golongan gelandangan. Bantuan makanan, pakaian, kesihatan begitu juga tempat tinggal sementara merupakan antara bukti sifat perikemanusiaan yang ditunjukkan oleh golongan sukarelawan serta NGO sebagai inisiatif yang patut diberi

penghargaan. Walau bagaimanapun, keperluan NGO pada masa akan datang dalam memikirkan kaedah baru dan perkhidmatan yang pelbagai yang dapat disampaikan kepada gelandangan dengan tujuan membawa perubahan yang lebih baik dalam kalangan mereka. Keperluan untuk mengadakan kolaborasi yang lebih baik di antara NGO dan kerajaan dalam memastikan usaha menyampaikan perkhidmatan yang mampu membawa perubahan seperti pemberian pekerjaan, tempat tinggal, pendidikan, rawatan ketagihan dan sebagainya. Kerajaan yang telah memperuntukkan pelbagai dana dalam membina kemudahan buat gelandangan ini boleh dimaksimumkan menerusi kerjasama daripada pihak NGO. NGO yang hadir dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan boleh menggunakan kepakaran yang bagi menyumbang kepada pihak kerajaan bagi membantu gelandangan ini. Hal ini kerana, keperluan untuk mengenal pasti kepakaran masing-masing yang ada serta menjalankan kerjasama dengan standard prosedur yang lebih baik. Kesemua ini sebenarnya diharap mampu membawa sinar harapan di dalam negara bagi mengubah nasib golongan gelandangan ini ke arah yang lebih produktif sekali gus mengeluarkan mereka daripada kehidupan jalanan.

8. Kesimpulan

Berdasarkan bentuk-bentuk pemulihan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada golongan di bawah [Akta Orang Papa 1977](#) iaitu golongan kutu rayau dan pengemis, terdapat pelbagai pusat dan institusi pemulihan dan jagaan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Malahan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan serta sukarelawan juga turut memberikan khidmat bantuan kepada golongan orang papa. Kedua-dua pihak mempunyai satu tujuan iaitu untuk melindungi dan memulihkan orang papa atau golongan kutu rayau agar dapat mengembalikan mereka kepada masyarakat dengan baik. Hal ini kerana, terdapat pelbagai program yang boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan golongan kutu rayau menerusi institusi perlindungan dan khidmat bantuan seperti kemahiran menjahit, kemahiran bercucuk tanam dan kemahiran memasak. Oleh yang demikian, golongan kutu rayau dapat mengaplikasikan kemahiran berikut ketika bekerja atau dijadikan ikhtiar untuk menjana pendapatan sendiri. Sehubungan itu, inisiatif yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak merupakan satu inisiatif yang baik serta memenuhi keperluan golongan kutu rayau agar dapat meneruskan kehidupan mereka dengan baik.

Sehubungan itu, terdapat juga cadangan agar dapat memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan pemulihan terhadap golongan kutu rayau antaranya ialah dengan menyediakan insentif rawatan kesihatan di klinik dan hospital secara percuma untuk golongan kutu rayau. Sepertimana yang telah diketahui, terdapat juga pemeriksaan kesihatan yang telah diberikan oleh pihak sukarelawan, pihak badan bukan kerajaan dan pihak kerajaan terhadap golongan kutu rayau. Namun begitu, pemeriksaan terhadap golongan kutu rayau hanya diadakan di dalam kawasan pusat perlindungan dan kawasan tempat tinggal mereka. Tambahan pula, golongan kutu rayau hanya menerima pemeriksaan kesihatan secara tidak berkala. Oleh yang demikian, dengan pemberian pemeriksaan percuma terhadap golongan kutu rayau yang masih tinggal di dalam kawasan luar pusat perlindungan di hospital dan klinik dapat membantu golongan tersebut jika mengalami penyakit yang kronik atau penyakit yang memerlukan rawatan segera yang memerlukan akses ke pusat perubatan. Oleh yang demikian, inisiatif tersebut hendaklah diberikan kepada golongan berikut agar dapat memudahkan golongan kutu rayau untuk akses ke pusat perubatan serta dapat menjamin tahap kesejahteraan diri golongan kutu rayau. Kesimpulannya, tinjauan terhadap aktiviti pemulihan dan penjagaan yang sedia ada terhadap kutu rayau memberi suatu dimensi

dan input untuk menambahbaikkan program pemulihan terhadap golongan gelandangan agar suatu masa nanti mereka dapat kembali kepada kehidupan normal.

Kewangan (*Funding*)

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Afiq Hambali (2020) Mak Wan "Iron Lady Chow Kit". *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2020/11/20/mak-wan-iron-lady-chow-kit/> [12 Oktober 2022]
- Berita RTM, (Julai, 15, 2020). Kuala Lumpur catat jumlah gelandangan tertinggi di Malaysia. *RTM*. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/20104-kuala-lumpur-catat-jumlah-gelandangan-tertinggi-di-malaysia> [16 Oktober 2022]
- Ciambrone, S, & Edgington, S. (2009). Medical respite services for homeless people: Practical planning. *National Health Care for the Homeless Council*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017a). Kamus Bahasa Melayu: kutu. Pprm.dbp.com. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kutu&d=175768&> [16 November 2022].
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017b). Kamus Bahasa Melayu: gelandangan. Pprm.dbp.com. Diakses daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=gelandanganpada> [16 November 2022].
- Fathimath, N. (2022, June 10). Street feeders of KL founder strives to make a difference. *FMT*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/top-lifestyle/2022/06/10/street-feeders-of-kl-founder-strives-to-make-a-difference/> [17 Oktober 2022]
- Fazel, S., Geddes, J. R., & Kushel, M. (2014). The health of homeless people in high-income countries: Descriptive epidemiology, health consequences, and clinical and policy recommendations. *Lancet*, 384, 1529–1540.
- Fuad Mohamed Berawi & Noor Amalina Ismail (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan awal. https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal [13 Januari 2022].
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2020). Kes orang papa warganegara dan bukan warganegara mengikut negeri dan jantina 2017-2019.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). Desa bina diri. *JKM*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=Wm1WK115dnZkUGwvRU5MNkdtbm5zZz09> [12 November 2021].
- Kamus Dewan. (2005). *Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kechara Soup. (2021). About Kechara soup kitchen. *Kitchen.com* <https://kecharasoupkitchen.com/> [12 November 2021].
- Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad & Norulhuda Sarnon. (2017). Isu gelandangan di Malaysia: Tahap kesihatan mental & kemahiran hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*, 119–131.
- Limebury, J., & Shea, S. (2015). The role of compassion and 'Tough Love' in caring for and supporting the homeless: Experiences from 'Catching Lives' Canterbury, UK. *Journal of Compassionate Health Care*, 2(1), 2-9.
- Mackenzie, D., & Chamberlain, C. (2003). Homeless careers: pathways in and out of homelessness. RMIT Universities, Australia. *Swinburne* [https://researchbank.swinburne.edu.au/file/28f2dd6d-577d-4e60-ac81-cd126a121a71/1/PDF%20\(81%20pages\).pdf](https://researchbank.swinburne.edu.au/file/28f2dd6d-577d-4e60-ac81-cd126a121a71/1/PDF%20(81%20pages).pdf) [15 Oktober 2022]
- Markowitz, F. E. & Syverson, J. (2019). Race, gender, and homelessness stigma: effects of perceived blameworthiness and dangerousness. *Journal of Deviant Behavior*, 42(7), 1-12.
- Maslow, A. H. (1943). A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 50, 370-396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Md Zan (2022). Edaran juadah di Warung Makan Sahabat. *Yadim*. <https://www.yadim.com.my/v2/edaran-juadah-di-warung-makan-sahabat/> [22 Oktober 2022]
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Norruzeyati Che Mohd Nasir Ah, (2020). Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *The International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 415–430.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Norruzeyati Che Mohd Nasir (2021). Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24–36.
- Muhammad Faheem Mod Dahlan., & Muhammad Idris Bullare @ Bahari. (2017). Kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 1, 35-62 pages.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2017). Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 78-94.
- Mohd Suhaimi Mohamad., Khaidzir Ismail., Nasuridn Subhi., & Nik Hairi Omar. (2016). Hubungan di antara kesihatan mental dengan minat kerjaya dalam kalangan gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia. *Akademia*, 86(1), 11-19
- NGOhub (n.d). Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia (Empire Project). NGOhub - We Serve Changemakers
- Nor Amalina Mohd Adib., Zaliha Hj. Hussin., & Yarina Ahmad. (2018). How effective are the current initiatives in dealing with Homelessness in Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 15(3), 1-9.
- Nur Aziatul Khazizi, (2021). Lorong gelap' jadi sinar Mak Wan berbakti di Chow Kit. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/568132> [22 Oktober 2022]
- Nur Syuhadah Hamdan., & Siti Sarah Herman. (2020). Homeless in Kuala Lumpur. *Malaysia Architectural Journal*, 2(1), 17-24.
- Nurul Mahfuzah Ahmad Yani, Nur Zakirah Zahari, Nur Fatini Haziqah Abu Samah, Muhammad Ammar Faidhi Mohamed Azahar, Siti Munira Yasin, Mohd Shahril Ahmad Saman & Nor Aini Mohd Noor (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46–58.

- Penang Institute. (2015). Homelessness in our cities. *Penang Institute*. Diakses daripada https://penanginstitute.org/wpcontent/uploads/jml/files/research_papers/HomelessnessInOurCities_AReportbyPenangInstitute_Kenneth_21Jan15_OKM25Feb2015.pdf [12 Oktober 2022].
- PERTIWI, (n.d). Perkhidmatan kesihatan PERTIWI. Perkhidmatan Kesihatan PERTIWI PERTIWI [17 Oktober 2022]
- Pertubuhan Kebajikan Hulur Malaysia (n.d). Tabung Hulur Ramadan 2021: Warung Makan Sahabat. *Hulur Malaysia*. <http://hulurmalaysia.com/eventdetail/28> [22 Oktober 2022]
- Phelan, J. B., Link, G. & John F. D. (2008). Stigma and prejudice: One animal or two?. *Social Science and Medicine* 67, 358–67.
- Rusenko, R. M. (2014). Homelessness, Human Insecurities and the government agenda in Malaysia: The Simultaneous inclusion and exclusion of anjung singgah. *Asian Journal of Social Sciences*, 42(1/2), 45-74
- Sharifah, M.A. & Alifatul, K.A.M. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1-9.
- Straaten, B. V., Rodenburg, G., Lan, V.D. J., Boersma, N. S., Wolf, J.R.L.M. & Mheen, D.V.D. (2018). Changes in social exclusion indicators and psychological distress among homeless people over a 2.5-year period. *Soc Indic Res*, 291-311.
- Sedunia.me. (2021). StreetFeeders Kuala Lumpur. <https://www.sedunia.me/groups/streetfeederskl> [16 November 2021].
- Syazwani Drani., & Azlinda Azman. (2016). Strategi tindakan menangani isu dan permasalahan golongan gelandangan. Seminar Psikologi Kebangsaan-III. Kota Kinabalu, Sabah. 26 & 27 Mei 2016. http://digilib.mercubuana.ac.id/manager/t!@file_artikel_abstrak/Isi_Artikel_648618779385.pdf [12 November 2021].
- Thinkcity.com. (2018). Homelessness in Kuala Lumpur An intractable problem. *Think City*. <https://thinkcity.com.my/wp/wp-content/uploads/2019/09/Homelessness-Report-Final-07-May-2018.pdf> [15 Oktober 2022]
- Tsai, J., & Rosenheck, R. A. (2012). Conceptualizing social integration among formerly homeless adults with severe mental illness. *Journal of Community Psychology*, 40(4), 456-467.
- Undang-Undang Malaysia- Akta 183. *Akta Orang Papa 1977*.
- Van Laere, I. R., de Wit, M. A., & Klazinga, N. S. (2009). Pathways into homelessness: Recently homeless adults problems and service use before and after becoming homeless in Amsterdam. *BMC Public Health*, 9(3). 10.1186/1471-2458-9-3
- Vijayan, S. (2016). Helping Kuala Lumpur's homeless community with Grace. *FMT*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2021/10/15/helping-kuala-lumpurs-homeless-community-with-grace/>
- Yellowhouse, (n.d). About us. *Yellowhouse*. <https://yellowhousekl.com/ngo/our-story-2/> [18 Julai 2022]